

Had umur Ketua Puteri

UM 16 MAY 2002

KUALA LUMPUR 15 Mei — UMNO menetapkan had umur Ketua Puteri UMNO kekal pada usia 40 tahun, kata Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, perkara itu termaktub dalam pindaan perlembagaan parti itu mengenai kedudukan Puteri UMNO yang akan dilakukan pada Perhimpunan Agung Khas parti tersebut, bulan depan.

Kata beliau, UMNO juga menetapkan umur ahli jawatankuasa dan ketua bahagian

sayap baru UMNO itu dihadkan pada umur 35 tahun.

“Panduan lengkap mengenai umur Ketua Puteri UMNO dan ahli-ahli jawatankuasa boleh dirujuk kepada Majlis Tertinggi (MT),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet di pejabatnya di Kompleks Daya Bumi di sini hari ini.

Muhyiddin mengulas pindaan perlembagaan parti mengenai kedudukan Puteri

UMNO yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 20 Jun ini.

Sebelum ini, Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Ketua Puteri UMNO akan diiktiraf sebagai salah seorang daripada Naib Presiden UMNO apabila pindaan perlembagaan parti itu dibuat.

Menurut beliau, mesyuarat khas bagi membincangkan pindaan itu akan diadakan semasa Perhimpunan Agung UMNO, bulan depan.

kekal 40 tahun

Katanya, apabila pindaan itu diluluskan, Ketua Puteri UMNO akan mempunyai kedudukan yang setaraf dengan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO sekali gus menjadikan jumlah Naib Presiden parti seramai enam orang.

Muhyiddin seterusnya menjelaskan, tahap umur bagi Ketua Puteri UMNO dikekalkan sedemikian bagi membezakan sayap UMNO itu dengan Pergerakan Wanita.

“Jika kita samakan umur Ketua Puteri dengan Wanita, jadi tidak ada bezalah,” jelasnya.

Beliau menambah, draf akhir pindaan perlembagaan parti mengenai kedudukan Puteri UMNO telah selesai dan akan diedarkan ke semua bahagian di seluruh negara tidak lama lagi.

Draf tersebut, katanya, akan dibentangkan pada perhimpunan khas itu bulan depan.

“Saya diarahkan oleh pucuk pimpinan untuk membentangkan draf tersebut dalam perhimpunan itu nanti,” katanya.